

## SEJARAH, MASYARAKAT DAN PENDIDIKAN

Rupawan Ahmad

### PENGENALAN

Sejarah dalam pengertian umumnya adalah segala bentuk dan hakikat perlakuan manusia yang benar-benar telah berlaku pada satu masa dahulu. Manakala sejarawan pula merupakan anggota sesebuah masyarakat yang berperanan dalam merekonstruksi semula bentuk dan hakikat tersebut. Mereka akan menghurai dan menjelaskan segala perlakuan yang dianggap signifikan kepada masyarakat supaya mereka mengetahui dan memahaminya. Sementara itu, masyarakat pula memerlukan sejarah kerana melalui sejarahlah mereka akan dapat menjejaki asal-usul dan warisan budaya mereka. Lebih penting lagi, sejarah sangat berguna kepada sesebuah masyarakat untuk membolehkan masyarakat berkenaan mempertahankan kewujudannya. Lantaran itu, bagi mewujudkan kesinambungan sistem sosial dan budayanya, masyarakat memerlukan sejarah sebagai wadah dalam mendidik generasi yang bakal mewarisinya. Ringkasnya, sejarah adalah sangat berguna kepada sesebuah masyarakat. Oleh sebab itulah sejak zaman berzaman sejarah menjadi satu matapelajaran yang sentiasa diberi keutamaan dalam bidang pendidikan.

Dalam kebanyakan masyarakat, sejarah dalam pendidikan lebih merupakan satu jenis mata pelajaran yang bersifat vokasional. Ini kerana masyarakat lazimnya menganggap sejarah berupaya menawarkan peranan yang sangat penting dalam membentuk dan memupuk perasaan, sikap, moral, rasa bangga dan sentimen masyarakat berkenaan di kalangan anggota-anggotanya. Umpamanya, sejak zaman Rumawi-Yunani lagi sejarah diberi peranan sedemikian dalam masyarakat tersebut. Ia diorientasikan sebagai matapelajaran yang penuh terisi dengan iktibar bagi mencapai matlamat masyarakat itu melahirkan anggota-anggota masyarakat yang bermoral dan berdisiplin. Sejak dari itulah sejarah kemudiannya diberi tempat yang sangat penting dalam pendidikan oleh kebanyakan masyarakat di dunia sehingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, sejak abad kesembilan belas di Eropah dan di

negara-negara lain dalam abad kedua puluh, tidak lagi semata-mata diorientasi sebagai wadah pendidikan moral, tetapi lebih penting lagi ia telah diguna sebagai alat utama bagi memupuk dan menanam sentimen kenegaraan dan mencetuskan rasa bangga kepada warisan bangsa dan negara mereka.<sup>1</sup> Tradisi inilah sebenarnya yang telah banyak mempengaruhi tanggapan terhadap sejarah dan juga nilai serta kesignifikannya dalam kehidupan kita. Tanggapan yang sedemikian kemudiannya diperkukuhkan lagi oleh para sejarawan dan mata-sejarawan yang telah bertungkus-lumus dari satu generasi ke satu generasi untuk menjustifikasi tradisi peranan sejarah itu.<sup>2</sup>

Adalah menjadi tujuan utama artikel ini untuk membincangkan persoalan berkaitan kepentingan sejarah kepada masyarakat dan pendidikan. Apa yang hendak dibangkitkan dalam perbincangan ini ialah mengenai berbagai-bagai golongan dalam masyarakat dalam sesebuah negara, termasuk juga di negara kita, khususnya pihak berkuasanya dan juga para sejarawannya yang menampakkan kecenderungan melebih-lebihkan peranan dan kepentingan sejarah, terutama sekali dalam mempengaruhi pembentukan sikap, sentimen dan moral sehingga mengenenepikan fungsi dan kepentingannya yang lain kepada masyarakat dan dalam pendidikan. Selain itu, yang turut dipersoalkan ialah dari segi sejauhmanakah sejarah sebagai satu mata pelajaran berupaya dan sebegitu mudah pulakah ia dapat merealisasikan peranan yang dipertanggungjawab kepadanya. Beberapa persoalan yang dibangkitkan di sini adalah penting dan sangat memerlukan perhatian kita. Ini kerana pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menggubal dan menyediakan peranan kepada mata pelajaran sejarah seringkali menggunakan andaian yang dipermudahkan dalam membuat tanggapan terhadap sifat-sifat sejarah dari segi epistemologi dan kepentingannya dalam pendidikan. Tegasnya, kepentingan sejarah dalam pendidikan lebih banyak dilihat dengan berasaskan kepada pertimbangan-pertimbangan yang moralistik dan nasionalistik.<sup>3</sup> Manakala kepentingan dari sudut ilmunya kurang mendapat perhatian. Oleh sebab itulah mata pelajaran sejarah menjadi semakin condong kepada pendidikan moral yang semakin mengurangkan minat pelajar memelajarinya.

Keadaan ini sebenarnya berlaku di kebanyakan negara di dunia pada hari ini, tidak terkecuali juga di negara kita. Di negara kita misalnya, mata pelajaran sejarah bukanlah merupakan pilihan utama di kalangan para pelajar. Jika diberi pilihan ramai yang tidak bersedia mengikutinya. Para pelajar umumnya tidak dapat merasakan kepentingan dan signifikannya mempelajari sejarah. "Thank goodness, I didn't have to take history when I went to form four

as I was in the Science stream,”<sup>4</sup> jelas seorang pelajar apabila ditanya pendapatnya mengenai sejarah. Manakala seorang pelajar yang lain pula menjelaskan sejarah merupakan satu mata pelajaran yang “most boring with half the class almost asleep by the time the period ended.”<sup>5</sup> Ringkasnya, tanpa kita menyedarinya, mempelajari sejarah bagi kebanyakan pelajar bukanlah merupakan satu pengalaman yang menyeronokkan. Mereka sebenarnya gagal hendak memahami bagaimana mempelajari sejarah dapat membantu meningkatkan skil intelektual mereka. Sementara itu, secara relatifnya pula, kepada kebanyakan pelajar mata pelajaran sejarah tidak menjanjikan peluang yang lebih luas dari segi nilai ekonominya sekiranya dibandingkan dengan mata-mata pelajaran yang lain.<sup>6</sup> Mengapakah begitu sekali tanggapan para pelajar terhadap sejarah? Sebelum sampai kepada persoalan ini adalah elok sekiranya kita meneliti dahulu mengenai konsep sejarah dan hubungan sejarawan dengan masyarakatnya. Ketiga-tiganya mempunyai perkaitan yang sangat rapat dan amat besar pengaruhnya terhadap mata pelajaran sejarah yang diajar di dalam institusi-institusi pendidikan di sebuah negara.

## SEJARAH, SEJARAWAN DAN MASYARAKAT

Sekiranya kita teliti pendapat para sejarawan dan ahli falsafah, malahan negarawan juga, tidak syak lagi sejarah menurut mereka adalah asas yang sangat penting bagi kewujudan sesebuah masyarakat dan negara. Umpamanya, sejarah bagi R.G. Collingwood merupakan tunggak kepada pengetahuan manusia.<sup>7</sup> Seseorang individu ataupun masyarakat seluruhnya hanya akan dapat mengenali dirinya melalui sejarah. Sejarah menjadi bertambah penting lagi kepada kehidupan manusia tegas beliau kerana kehidupan manusia itu sentiasa berubah. Mereka sentiasa berkembang dan maju ke depan. Untuk menuju ke depan sesebuah masyarakat perlu kepada sejarah. Ini kerana menurut Collingwood lagi, masa depan yang akan dilalui oleh sesebuah masyarakat atau seorang individu itu sukar hendak diramal, jadi sejarah diperlukan untuk menjadi panduan supaya perjalanan menuju hari depan itu menjadi lebih terarah.<sup>8</sup> Sehubungan dengan ini jugalah George Santayana, seorang ahli falsafah menegaskan sekiranya seseorang itu (termasuk juga masyarakat atau negara) tidak mempunyai kecenderungan terhadap masa lalu (sejarah) pada kelazimannya lebih mudahlah ia melaku dan mengulangi kesilapan.<sup>9</sup> Tegasnya menurut Collingwood dan Santayana sejarah mempunyai nilai yang amat berguna

dalam memberi panduan dan iktibar kepada sesebuah masyarakat, negara mahupun seseorang individu.

Sementara bagi Graham Clark pula, sejarah, terutama sekali arkeologi penting kepada sesebuah negara kerana kedua-dua bidang ini dapat berfungsi dan mempunyai kebolehan mencetus dan seterusnya memupuk semangat patriotik dan nasionalisme, terutamanya bagi negara-negara yang tidak mempunyai period sejarah bertulisnya yang lama. Menurut beliau lagi sejarah dan arkeologilah yang mampu menyingkap kembali masa lalu dan memaparkan kebanggaan terhadapnya di kalangan masyarakat di negara berkenaan. Oleh sebab itulah tegas Clark, banyak negara memberi keutamaan yang tinggi kepada sejarah, khususnya bidang arkeologi.<sup>10</sup>

Berdasarkan pandangan-pandangan tersebut secara tidak langsung menjelaskan betapa besarnya penghargaan dan tingginya jangkauan yang diharap daripada sejarah.<sup>11</sup> Oleh kerana harapan dan jangkauan beginilah menyebabkan sejarah dipandang sebagai satu alat pendidikan yang utilitarianistik. Hal ini bertambah jelas sekiranya kita meneliti kepada ungkapan-ungkapan yang sering diguna oleh guru-guru mahupun para pemimpin dengan menegaskan kata-kata mereka seperti ‘Sejarah menunjukkan...’ ‘Sejarah membuktikan...’ ‘Sejarah mengajar kita...’ dan sebagainya. Ungkapan-ungkapan ini lazimnya diguna dengan membawa pengertian untuk menjustifikasi sesuatu perkara yang dipersoalkan dan menjadi punca perbalahan, tuntutan atau pertelingkahan dalam masyarakat atau negara. Ia juga membawa makna bahawa sejarah yang dirujuk itu adalah kata pemutus yang boleh menunjukkan hakikat kebenaran terhadap perkara yang dipersoalkan itu. Oleh kerana itulah sejarah boleh dikatakan menjadi begitu berguna kepada berbagai-bagai golongan dalam masyarakat kerana masing-masing memerlukan untuk mewajarkan sikap, pendirian, kepentingan dan kedudukan yang hendak dipertahankan. Sementara para sejarawan pula akan bertungkus lumus menghasilkan sejarah kerana ia adalah menjadi peranan sosialnya dalam memenuhi keperluan sosial masyarakat atau negaranya.

Oleh sebab itulah seorang sejarawan, Arthur Marwick telah mensifatkan sejarah sebagai satu bentuk “industry”.<sup>12</sup> Iaitu satu proses bagaimana para sejarawan melaksanakan usaha-usahanya untuk membina semula aspek-aspek masa lalu yang signifikan kepada masyarakatnya. Ringkasnya para sejarawan merupakan pengusaha manakala masyarakat pula adalah penggunanya. Dalam kebanyakan negara, “industry” membina masa lalu ini pada kebiasaannya mengeluarkan berbagai-bagai bentuk sejarah, untuk disampaikan kepada pengguna, iaitu masyarakat. Bentuk-bentuk

tersebut boleh dikategorikan kepada dua, iaitu sejarah yang nasionalistik dan sejarah yang ideologikal sifatnya. Kedua-dua kategori sejarah ini adalah hasil usaha para sejarawan yang komited dan mengikat dirinya kepada ideologi atau ortodoksi tertentu dalam memberikan khidmatnya kepada masyarakat dan negara. Aspek-aspek masa lalu yang terbina sebagai sejarah dipilih, disusun, dianalisis dan diinterpretasi bersesuaian dan berpadanan dengan pegangan politik, kecenderungan budaya, hasrat dan cita-cita ideologi dan falsafah sejarawan berkenaan dan negara atau masyarakatnya.<sup>13</sup> Hal yang seperti ini memang tidak dapat dilakukan kerana dalam melaksanakan kerja-kerjanya para sejarawan pada kelazimannya membawa bersama-samanya kedudukan, pengetahuan, simpati, falsafah, ideologi, konsep-konsep, prosedur dan rutin penyelidikan mereka dalam menghasilkan sejarah.

Sungguhpun sejarah terbina berasaskan kepada bukti-bukti tertentu, namun berbagai-bagai masalah berkaitan dengannya hanya bermula apabila ia dihasilkan. Ia kerana seperti yang telah ditegaskan, sejarawan, sejarah dan masyarakat mempunyai saling hubungan yang sangat rapat. Masing-masing terangkum kuat ke dalam sistem dan hubungan sosial dalam sebuah negara berkenaan. Dari segi kepentingan negara dan masyarakat, sejarawan dan sejarah yang dihasilkannya adalah 'pelindung' kepada warisan budaya yang dilihat sebagai sumber keagungan dan kebanggaan dalam masyarakat, etnik mahupun negara seluruhnya. Aspek sejarah yang menjadi kebanggaan itu akan sentiasa hidup dalam pemikiran masyarakat berkenaan sebagai *epitome* tradisi dan liku-liku kehidupan mereka. Oleh sebab itu jugalah para sejarawan dalam menghasilkan sejarah mengenai masyarakat dan negara mereka tidak mudah membebaskan rationaliti mereka sendiri dari pengaruh mitos, prejudis dan harapan masyarakat yang melingkungi kehidupan mereka. Masyarakat dan negara pada umumnya mengharap satu sejarah yang dapat mewajarkan terhadap apa yang mereka pertahan dan banggakan. Sebaliknya, sekiranya ada satu sejarah yang lain terhasil di luar daripada lingkungan pemikiran dan kepercayaan yang telah berakarumbi dalam masyarakat itu, maka hasil sejarah berkenaan selalunya dianggap sebagai kerja yang subversif. Pengaruh mitos dan prejudis ini sukar hendak dikikis oleh para sejarawan. Yang demikian sejarah yang kita sifatkan sebagai "industry" itu sebenarnya juga "a political battle ground" bukan sahaja kepada sejarawan, malahan kepada berbagai golongan berkepentingan dalam masyarakat yang sentiasa mengharapkan sesuatu dari sejarah.<sup>14</sup> Tegasnya, sejarah boleh menjadi arena pertelingkahan kepada golongan-golongan tersebut dalam menegak-

kan kewajaran yang mereka harap memperolehinya melalui sejarah. Pertelingkahan mengenai sejarah boleh dikatakan satu proses yang berlanjutan tanpa penghujungnya memandangkan golongan-golongan berkenaan mempunyai konsepsi yang berbeza terhadap rol sosial dan kepentingan satu-satu aspek sejarah. Seorang sejarawan yang berpendirian konservatif misalnya akan menghasilkan sejarah yang berbeza dari yang dihasilkan oleh seorang yang revolusioner walaupun kedua-duanya menyingkap aspek sejarah yang sama.<sup>15</sup> Yang pertama mahu menegakkan otoriti dan kuasa pihak yang sedang berkuasa atau warisan masyarakat dan bangsanya. Manakala yang satu lagi pula mahu menggugatinya.

Sungguhpun sejarah yang dihasilkan dan disebarkan kepada masyarakat adalah berbagai-bagai dari segi bentuknya, namun penentuan bentuk sejarah yang bagaimanakah perlu diterima oleh masyarakat berkenaan adalah sangat bergantung kepada pengiktirafan oleh pihak-pihak berkuasa sesebuah negara berkenaan. Ini kerana pihak berkuasalah yang mempunyai otoriti dalam menentukan konsepsi terhadap sejarah dan mengiktiraf satu-satu bentuk sejarah yang dikira selaras dengan cita-cita dan aspirasi negara berkenaan. Sementara itu, dari segi pendidikan pula, biasanya bentuk sejarah yang mendapat pengiktirafan itulah pula yang dianggap berguna dan dapat memenuhi kepentingan pendidikan sejarah. Ia akan dianggap sebagai paling sesuai untuk menjadi wadah dalam memenuhi hasrat dan cita-cita ke arah pembinaan dan pembangunan bangsa berkenaan. Sehubungan dengan ini juga, pengajaran sejarah di institusi-institusi pendidikan seperti sekolah-sekolah, malahan juga di peringkat pengajian tinggi terpaksa tunduk kepada hasrat dan cita-cita tersebut.

Di kebanyakan negara, terutama sekali di negara-negara yang baru mencapai kemerdekaan, sejarah lazimnya menjadi alat pendidikan yang sangat diutamakan dalam usaha negara menanam dan memupuk nilai dan pemikiran para pelajar generasi muda terhadap masyarakat, institusi-institusi dan negaranya.<sup>16</sup> Tegasnya, melalui pelajaran sejarahlah proses mengindoktrinasi nilai-nilai yang dianggap serasi, sepadan dan bersesuaian dengan hasrat negara dilaksanakan. Oleh sebab itu pelajaran sejarah sebagaimana yang diisi dalam kurikulum-kurikulum lebih banyak menampakkan pertimbangan-pertimbangan yang bersifat moralistik. Pertimbangan yang sedemikian adalah disebabkan oleh pemahaman terhadap sejarah yang dilihat sebagai 'philosophy teaching by example.' Pertimbangan ini lebih menitikberatkan kepada pemilihan aspek-aspek sejarah yang dianggap boleh membawa iktibar kepada pelajar setelah mereka mempelajarinya. Sebagai implikasinya, mata pelajar-

an sejarah yang disampaikan kepada pelajar melalui kurikulum-kurikulum yang digubal lebih menampakkan bahawa sejarah merupakan satu bentuk ilmu pasti (*assured knowledge*). Walaupun sejarah sebenarnya adalah dibina melalui usaha para sejarawan yang menggunakan sudut-sudut pandangan tertentu, namun, dalam pelajaran sejarah ia merupakan '*a body of truth*' yang perlu pelajar-pelajar menguasainya. Pertimbangan-pertimbangan yang moralistik dalam membentuk objektif dan matlamat pengajaran sejarah menyebabkan pendekatan dan teknik dalam pengajaran sejarah menjadi sangat terbatas. Ia juga turut mempengaruhi cara membuat penilaian ke atas kemajuan dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran berkenaan.<sup>17</sup>

Secara amnya boleh dikatakan bahawa matapelajaran sejarah, terutamanya di peringkat sekolah lebih tertumpu kepada *subject matter* bukannya kepada aspek ilmu sejarah. Penekanan secara melampau kepada objektif dan matlamat yang bersifat nasionalistik dan moralistik inilah menyebabkan konsepsi terhadap sejarah dalam pendidikan menjadi sempit. Kaedah dan pengajaran juga terbatas disebabkan oleh ketentuan-ketentuan yang terdapat dalam kurikulum samada dari segi interpretasi terhadap aspek-aspek sejarahnya, mahupun dari segi nilai yang diberikan kepada aspek-aspek tersebut. Oleh itu, dalam pengajaran, apa yang dipentingkan oleh guru-guru ialah menyampaikan "maklumat-maklumat" sejarah kepada pelajar seberapa banyak dan berkesan yang boleh. Dengan menyalurkan maklumat-maklumat itu diandaikan pelajar-pelajar akan dapat melihat kepentingan-kepentingannya untuk dijadikan iktibar dalam kehidupan mereka. Manakala pelajar pula berusaha sedaya upaya untuk mengingati maklumat-maklumat berkenaan. Ringkasnya, pengajaran dan pembelajaran sejarah dalam banyak segi telah mengabaikan kepentingan sejarah dari segi nilai intelektualnya yang mementingkan "*Spirit of free inquiry*" dalam memahami hakikat perlakuan manusia di masa lalu. Penekanan yang melampau kepada matlamat yang moralistik dan nasionalistik mengakibatkan konsepsi terhadap sejarah sebagai ilmu yang berteraskan interpretasi menjadi kabur. Ini kerana sejarah dalam pemahaman masyarakat, negara dan seperti yang terdapat dalam kurikulum lebih merupakan ilmu pasti (*assured knowledge*) mengenai hakikat masa lalu.

## SEJARAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENDIDIKAN

Sejarah dari segi ilmunya terbina berasaskan kepada tiga komponen. Komponen pertama ialah hakikat perlakuan, kenyataan dan

peristiwa masa lalu yang tidak pernah akan dapat dikesani dan dibina semula sepenuhnya. Ia hanya wujud dalam bentuknya yang *ideal* dalam ilmu dan kepada ahli sejarah. Komponen ilmu sejarah yang kedua pula ialah kaedah atau tatacara penyelidikan (dan juga pengajaran) yang digunakan oleh ahli sejarah dalam membina semula sejarah yang wujud dalam bentuk *ideal* tadi. Manakala komponen ketiga pula ialah hasil kerja penyelidikan yang dilakukan oleh ahli sejarah berkenaan. Ia terbina melalui integrasi bukti-bukti yang sejarawan temui dengan *inference* mereka. Dalam pemahaman masyarakat umum, komponen ketiga inilah yang dikatakan sebagai sejarah. Pemahaman yang seperti ini jugalah yang kemudiannya mempengaruhi mata pelajaran sejarah di sekolah-sekolah. Ini kerana sejarah dari segi kepentingannya dalam pendidikan hanya dilihat dari segi aspek-aspek sejarah yang terdapat dalam komponen ketiga itu sahaja. Oleh sebab itulah dalam pendidikan sejarah di sekolah-sekolah, tidak terkecuali juga di peringkat yang lebih tinggi, ia lebih merupakan pengajaran dan pembelajaran mengenai hasil kerja yang dilakukan oleh ahli sejarah. Yang mana hasil kerja tersebut kemudiannya dianggap sama dengan komponen pertama tadi, iaitu sejarah dalam bentuk idealnya. Para pelajar sebaliknya sangat kurang diberi pendedahan kepada komponen sejarah yang kedua itu.

Untuk memahami sejarah dan memperolehi faedah dari segi kepentingan ilmunya, para pelajar seharusnya diberi pendedahan kepada komponen kedua dan ketiga. Ini bermakna, di samping mempelajari komponen ketiga, iaitu yang menjadi *subject-matter* dalam mata pelajaran sejarah, para pelajar juga hendaklah secara berperingkat-peringkat mendapat pendedahan kepada komponen kedua, iaitu cara-cara bagaimana terbinanya *subject-matter* tersebut. Dalam pengajaran sejarah yang konvensional, pelajar hanya berpeluang menguasai komponen ketiga sahaja. Ini kerana seperti yang telah ditegaskan, adalah berpunca daripada konsepsi yang sempit terhadap sejarah sebagai ilmu. Tambahan pula, objektif dan matlamat terakhir dalam pendidikan sejarah tersebut adalah lebih tertumpu kepada penguasaan *subject-matter*. Ia mendapat perhatian kerana dipengaruhi oleh andaian-andaian terhadap kepentingan sejarah yang berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan yang moralistik dan nasionalistik.

Pendekatan konvensional yang lebih menitikberatkan kepada penguasaan *subject-matter* tidak banyak membuka ruang kepada proses pembelajaran secara aktif. Guru-guru biasanya mengambil pendekatan yang mudah dari segi pedagoginya. Bagi guru-guru, apa yang dipentingkan ialah maklumat perlu disalurkan kepada pelajar

seberapa banyak yang boleh. Pada perkiraan mereka melalui maklumat tersebut para pelajar dengan sendirinya akan dapat memahami ilmu sejarah. Memahami ilmu sejarah bererti dapat menguasai maklumat tersebut. Lantaran itu, matlamat terakhir dalam pengajaran dan pembelajaran sejarah ialah penyebaran dan penguasaan maklumat sejarah semata-mata. Sehubungan dengan ini, pengajaran sejarah menjadi pasif dan berlaku dalam bentuk 'here is how it was'. Atau dalam ertikata yang lain, guru-guru hanya menyampaikan maklumat-maklumat yang dianggap penting untuk kegunaan pelajar. Maka terpulanglah kepada mereka menentukan kesignifikanan apa yang telah mereka kuasai itu. Seterusnya mereka juga perlu mencari dari maklumat-maklumat yang dipelajari untuk mendapatkan relevansnya dengan keperluan pendidikan mereka.

Sejauhmanakah pengajaran dan pembelajaran sejarah secara konvensional ini berkesan dalam memenuhi objektif dan matlamatnya sukar hendak ditentukan. Walaupun sejak beberapa lama kepentingan sejarah dikaitkan dengan keupayaannya dalam mempengaruhi ruang afektif pelajar, namun agak sukar untuk menentukan keberkesanannya. Ruang afektif pelajar adalah *intangibile* sifatnya. Jadi bagaimanakah kita hendak mengukur sikap, sentimen, dan pemikiran seseorang. Tegasnya, dalam pendekatan konvensional, tidak terdapat satu cara yang jelas dari segi mengukur kemajuan dan pencapaian pelajar-pelajardalam pendidikan sejarah. Bagaimanakah hendak kita ukur aspek afektif pelajar melalui jawapan-jawapan mereka dalam peperiksaan, sedangkan peperiksaan hanya menitikberatkan kepada penguasaan terhadap maklumat-maklumat. Selain itu, bagaimanakah pula kita hendak mengetahui sejauhmana maklumat-maklumat tersebut membawa iktibar kepada pelajar.

Sebenarnya, melalui pendidikan sejarah secara konvensional ini, pelajar-pelajar tidak mendapat pendedahan yang mencukupi untuk membolehkan mereka memahami dan melihat kepentingan sejarah sebagai satu bentuk ilmu. Inilah yang menjadi punca mengapa kebanyakan pelajar selalu merungut kerana merasa bosan dengan mata pelajaran sejarah. Mereka merungut kerana tidak dapat merasai secara praktikal dari segi sumbangan yang boleh diberi oleh mata pelajaran sejarah dalam membentuk skil intelektual mereka. Ini kerana, dalam pendidikan sejarah, penguasaan ke atas *subject-matter* ataupun maklumat-maklumat sejarah tidak menjamin seseorang itu menjadi seorang yang boleh berfikir dan menganalisis secara berkesan.<sup>18</sup>

Kritik-kritik terhadap pendekatan konvensional mengaitkan masalah ketidakbekerkesanan mata pelajaran sejarah dari segi membangunkan skil intelektual pelajar dan kurangnya minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut dengan orientasi pendidikan yang terlampau memberi penekanan kepada aspek afektif.<sup>19</sup> Penumpuan yang berlebihan kepada aspek ini menurut kritik-kritik itu lagi menyebabkan nilai sebenar yang terdapat dalam ilmu sejarah tidak dapat dihayati oleh para pelajar. Umpamanya, penekanan kepada aspek afektif secara yang berlebihan untuk memupuk kesesuaian, keserasian dan pepadanan di kalangan pelajar baik dari segi sikap, sentimen dan pemikiran dengan persekitaran sosial dan warisan sejarah mereka (subject-matter) menyebabkan ciri-ciri ilmu dalam sejarah yang mementingkan sikap kritikal, dan terbuka tidak begitu mendapat perhatian. Apa yang dipentingkan ialah untuk membolehkan pelajar mengetahui makna dan moral yang diselitkan melalui aspek-aspek sejarah yang berisi di dalam kurikulum-kurikulum.

Sebagai kesimpulan boleh dikatakan bahawa mata pelajaran sejarah sangat rapat hubungan dan pertaliannya dengan masyarakat. Masyarakat memerlukan sejarah untuk mendidik generasi muda mereka. Pendidikan sejarah akan menjelaskan kepada generasi tersebut tentang cita-cita, harapan dan warisan silam masyarakat itu. Oleh sebab itu, walaupun mata pelajaran sejarah tidak popular di kalangan pelajar, namun selagi mereka berada di dalam alam pendidikan selagi itulah mereka berhadapan dengan sejarah.

#### NOTA KAKI

<sup>1</sup>W.H. Burston, "The Place of History in Education," dalam W.H. Burston dan C.W. Green, eds., *Handbook for History Teachers*, London, 1972, hal. 3 dan Herbert Flaig, "The Historian as Pedagogy of the Nation," *History*, Vol. 59, 1974, hh. 20-26.

<sup>2</sup>A. Rogers, "Why Teach History" dalam *Educational Review*, Vol. 14, No. 1, 1962, Baca juga, John Tosh, *The Pursuit of History*, London, 1984, h. 18.

<sup>3</sup>P.R. Lim, "History: The Search for a Balanced Rational," dalam *Teaching History*, No. 28, Oktober 1980, hal. 25-26. Lihat juga, E.J. Nicholas dan D. Thompson, "Methods of Teaching History: A Survey," dalam, Burston dan Green, *Handbook...* h. 223

<sup>4</sup>"Should History Lessons be boring," *Sunday Star*, 25hb. Jun 1989.

<sup>5</sup>*Ibid.*

<sup>6</sup>Saya sering bertanya para pelajar di sekolah dan juga pelajar-pelajar yang baru memasuki universiti, mengenai perkara ini. Rata-rata mereka meletakkan nilai ekonomi sebagai ukuran dalam menentukan kepentingan satu-satu mata pelajaran itu. Kebanyakan mereka tidak begitu menyedari bahawa sejarah seperti

ilmu-ilmu atau mata pelajaran yang lain juga dapat menawarkan sumbangan yang besar dalam memajukan aspek kognitif mereka.

<sup>7</sup>R.G. Collingwood, *The Ideas of History*, Oxford, 1961, hh.10-11.

<sup>8</sup>*Ibid.*

<sup>9</sup>Lester D. Stephen, *Probing the Past*, Boston, 1974, h. 112

<sup>10</sup>Graham Clark, *Archeology and Society*, London, 1960.

<sup>11</sup>Lihat juga kenyataan Menteri Pelajaran kita dalam *Sunday Star*, 26hb. Jun 1986.

<sup>12</sup>A. Marwick, *The Nature of History*, Hong Kong, 1985, h. 14.

<sup>13</sup>Allan Nevins, *The Gateway to History*, New York, 1962. h.22.

<sup>14</sup>K. Jenkins and P. Brickley, "A Level History on Historical Facts and Other Problems," *Teaching History*, No. 52, July 1988, h. 22

<sup>15</sup>J. Tosh, *The Pursuit of History*, hh. 3-10

<sup>16</sup>Sebagai contoh, rujuk ucapan Menteri Pelajaran, Dato' Abdullah Badawi semasa merasmikan mesyuarat Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia, dalam *The Straits Time*, 23hb. September 1984.

<sup>17</sup>P.R. Lim, "History" hh. 25-26

<sup>18</sup>David H. Fisher, *Historians' Fallacies*, New York, 1970, h. 311.

<sup>19</sup>James Fitzgerald, "History in the Curriculum; Debate on Aims and Values," *History and Theory*, Vol. XXII, No. 4, 1983, hh. 81-100